



(310394-X)
VET-FINE (M) SDN BHD

34-1, Jalan 2/8, Taman Universiti Indah,
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603-8948 9739, 019-226 2655, 017-613 5786
Fax : 603-8948 9893 Email: vetfine@streamyx.com

No. Ruj Kami : MPC/VET/2020-05
No. Ruj Tuan :
Tarikh : 07 Januari 20210

Ketua Pengarah,
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Peti surat 64, Jalan Sultan,
46904 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

Per : Perkhidmatan Kerja-kerja Merancang, melaksana, membersih dan menjaga keperluan Landskap
Kawasan Ibupejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan untuk Tempoh 2
tahun (1 November 2020-31 Oktober 2022)
Jaminan Bank Untuk Bon Perlaksanaan

Perkara di atas adalah dirujuk, bersama-sama ini pihak kami lampirkan Jaminan Bank No : 0672203640004 untuk Bon
Perlaksanaan

Sekian harap maklum

Yang benar,

(Khairizan bin Rahidi)
Pengarah Urusan





Tarikh: 30 Disember 2020

**JAMINAN BANK NO.: 06702203640004 UNTUK BON PELAKSANAAN
(KONTRAK BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

JAMINAN ini dibuat pada 30 Disember 2020 di antara AFFIN BANK BERHAD NO. PENDAFTARAN 197501003274 yang beralamat di TRADE FINANCE CENTRE, MENARA AFFIN, TINGKAT 2, 80 JALAN RAJA CHULAN, 50200 KUALA LUMPUR, MALAYSIA (kemudian daripada ini disebut sebagai "PENJAMIN") sebagai satu pihak dengan PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (kemudian daripada ini disebut sebagai "MPC") sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA

1. Sebagai balasan MPC membenarkan VET-FINE (M) SDN BHD (310394-X) yang beralamat di 34-1 JALAN INDAH 2/8, TAMAN UNIVERSITI INDAH, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR (kemudian daripada ini disebut sebagai "Kontraktor") untuk "PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MERANCANG, MELAKSANA, MEMBERSIH DAN MENJAGA KEPERLUAN LANSKAP KAWASAN IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TEMPOH 2 TAHUN (1 NOVEMBER 2020 - 31 OKTOBER 2022)" untuk harga kontrak sejumlah RINGGIT MALAYSIA DUA RATUS EMPAT RIBU SAHAJA (RM204,000.00).

KAMI, yang bertandatangan di bawah ini atas permintaan Kontraktor mengaku janji (iaitu aku janji yang tidak boleh dibatalkan) satu jaminan kepada MPC bahawa :-

PENJAMIN telah bersetuju untuk menjamin pelaksanaan yang sepatutnya ke atas Kontrak tersebut mengikut cara sepertimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA PENJAMIN dengan ini bersetuju dengan MPC seperti berikut:-

1. Apabila sahaja MPC membuat tuntutan bertulis, maka PENJAMIN hendaklah dengan serta merta membayar kepada MPC nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira samada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau PENJAMIN atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak RINGGIT MALAYSIA DUA RIBU LIMA RATUS LIMA PULUH SAHAJA (RM2,550.00) dan bahawa tanggungan PENJAMIN untuk membayar kepada KERAJAAN di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

2. MPC berhak untuk membuat apa-apa tuntutan separa jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan separa itu hendaklah tidak melebihi RINGGIT MALAYSIA DUA RIBU LIMA RATUS LIMA PULUH SAHAJA (RM2,550.00) dan liabiliti PENJAMIN untuk membayar kepada MPC jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran separa yang telah dibuat oleh PENJAMIN.

3. PENJAMIN tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan MPC sama ada dengan atau tanpa persetujuan PENJAMIN atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tidak boleh dibatalkan dan berkuatkuasa dari 01 November 2020 sehingga 31 Oktober 2022 (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Mati"). Jumlah agregat maksimum yang MPC berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah RINGGIT MALAYSIA DUA RIBU LIMA RATUS LIMA PULUH SAHAJA (RM2,550.00).



5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan PENJAMIN di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati melainkan jika sebelumnya MPC telah meminta secara bertulis kepada PENJAMIN untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK DI ALAMAT AFFIN BANK BERHAD NO. PENDAFTARAN 197501003274, TRADE FINANCE CENTRE, MENARA AFFIN, TINGKAT 2, 80 JALAN RAJA CHULAN, 50200 KUALA LUMPUR (NO. FAKS :03-20727877) DALAM TEMPOH SAHLAKU JAMINAN INI ATAUPUN PADA ATAU SEBELUM 28 NOVEMBER 2022 IAITU EMPAT (4) MINGGU DARIPADA TAMATNYA TARIKH MATI JAMINAN INI.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi
pihak AFFIN BANK BERHAD
di hadapan

)
) Nama: AAINAA NAWWAH
MOHD GHAS
PS02402010

NOR AINI MOHD NOOR
Nama: NOR AINI MOHD NOOR
PS1301996

(SAKSI)
Nama: KU TARIKU AHMAD
1982000

Ditandatangani untuk dan bagi pihak
MPC di hadapan

)
) Nama: KHAYRIZAN BIN RAHIM

NORHALIZA ABD RAHMAN
PS 05842001
CUSTOMER SERVICE OFFICER

(SAKSI)
Nama: